



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 MAY 2016

Dr. Mahathir mahu hancurkan BN – Salleh

um - 16/5/2016

KUALA LUMPUR 15 Mei

- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat secara jelas mahu menghancurkan Barisan Nasional (BN) demi kepentingan politiknya sendiri dengan meminta rakyat supaya tidak mengundi parti itu pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar, Perak dan Sungai Besar, Selangor bulan depan.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, Dr. Mahathir juga dilihat sudah jauh menyimpang daripada perjuangan untuk bangsa, agama dan negara.

“Ahli-ahli UMNO boleh menilai sendiri siapa Dr. Mahathir yang mengeluarkan kenyataan sedemikian. Demi kepentingan politik peribadi, beliau sanggup menghancurkan parti,” katanya kepada



SALLEH SAID KERUAK

Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia mengulas kenyataan Dr. Mahathir sewaktu menghadiri himpunan anjuran pakatan pembangkang di Stadium Malawati, Shah Alam, malam tadi

yang meletakkan harapan besar supaya pembangkang menewaskan BN pada dua pilihan raya kecil (PRK) yang akan diadakan 18 Jun depan.

Bekas presiden UMNO itu mahu kedua-dua kerusi tersebut hanya ditandingi satu lawan satu sahaja.

Dr. Mahathir berkata, langkah itu bagi mengelakkan perpecahan undi dalam kalangan pembangkang seperti berlaku dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak Ke-11 baru-baru ini.